



## NOTIS

(Notis Terakhir)

### **Penggunaan Peralatan Radio Peribadi (477.0125 MHz hingga 477.4875 MHz dan 477.5250 MHz hingga 477.9875 MHz)**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah setakat ini mengeluarkan lapan (8) notis umum mengenai penggunaan peralatan radio peribadi ("*personal radio service - PRS*") yang beroperasi dalam jalur frekuensi **477.0125 MHz hingga 477.4875 MHz** dan **477.5250 MHz hingga 477.9875 MHz** ("jalur frekuensi tersebut") di bawah Penguntukan Kelas, di mana orang awam telah dimaklumkan bahawa penggunaan peralatan PRS di jalur frekuensi tersebut **tidak lagi dibenarkan bermula pada 1 Januari 2023**.

Berdasarkan perkara di atas, sebarang penggunaan PRS di dalam jalur frekuensi tersebut mulai 1 Januari 2023 adalah dilarang sama sekali. Penggunaan tersebut akan terjumliah kepada suatu kesalahan di bawah seksyen 157 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang boleh dihukum dengan **denda tidak melebihi RM500,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya**.

Notis ini dikeluarkan menurut peraturan 28 Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) 2000.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Bahagian Perancangan dan Penguntukan Spektrum  
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

MCMC HQ Tower 1,  
Jalan Impact, Cyber 6  
63000 Cyberjaya, Selangor  
Tel: +60 3 8688 8000  
E-mel: [class.assignment@mcmc.gov.my](mailto:class.assignment@mcmc.gov.my)